

Tajuk	: 7.0 Kelajuan
Standard kandungan	: 7.1 Kelajuan
Standard Pembelajaran	: 7.1.4
Tahap penguasaan	: 4

Perhatian !!

- Baca nota tentang "Mengira Kelajuan" di dalam buku teks pada muka surat 126-127 sebelum menjawab latihan ini.

Gunakan rumus di bawah untuk mengira JARAK dalam kelajuan.

$$\text{JARAK} = \text{Kelajuan} \times \text{Masa}$$

Unit untuk **JARAK** : km, m, cm
 Unit untuk **MASA** : jam (j), saat (s)
 Unit untuk **KELAJUAN** : km/j, m/s, cm/s

Contoh pengiraan menggunakan rumus.

Seekor kura-kura bergerak dengan kelajuan **13 cm/s**. Berapakah jauhnya kura-kura itu boleh bergerak dalam masa **10 saat**?
Kelajuan

$$\text{Jarak} = \text{Kelajuan} \times \text{Masa}$$

$$\begin{aligned} \text{Jarak} &= 13 \text{ cm/s} \times 10 \text{ s} \\ &= 130 \text{ cm} \end{aligned}$$

$$\begin{array}{r} 13 \text{ cm/s} \\ \times 10 \text{ s} \\ \hline 00 \\ + 130 \\ \hline 130 \text{ cm} \end{array}$$

Kirakan jarak. Tunjuk langkah pengiraan.

- Sebuah kereta api peluru mampu bergerak dalam kelajuan 300 km/j. Berapakah jarak yang boleh dilalui oleh kereta api ini dalam masa 3 jam?
- Kirakan jarak yang dilalui oleh sebuah kereta yang bergerak pada kelajuan 80 km/j selama 4 jam.

Tajuk	: 7.0 Kelajuan
Standard kandungan	: 7.1 Kelajuan
Standard Pembelajaran	: 7.1.4
Tahap penguasaan	: 4

Perhatian !!

- Baca nota tentang “Mengira Kelajuan” di dalam buku teks pada muka surat 126-127 sebelum menjawab latihan ini.

3. Ibu memandu kereta dengan kelajuan 60 km/j. Ibu mengambil masa 2 jam untuk tiba ke destinasi. Berapakah jarak perjalanan ibu?

4. Encik Wang memandu dengan kelajuan 120 km/j. Berapa jauhkah dia memandu dalam masa 2 jam?

5. Sebuah lori dengan kelajuan 80 km/j mengambil masa 5 jam untuk sampai ke destinasi. Berapakah jarak perjalanan lori itu?

6. Abang memulakan perjalanan pada jam 9.00 pagi. Dengan kelajuan 120 km/j, abang menamatkan perjalanannya pada jam 11.00 pagi. Berapakah jarak perjalanan abang?